

2) PERUMAHAN MAMPU MILIK / RUMAH SELANGORKU

Adun : Y.B. Tuan Gunarajah A/L R George (Sentosa)

Kategori : Bertulis

Sesi : 3 (2025)

Sub soalan :

- a) **Projek Rumah Selangorku di DUN Sentosa. Apakah rancangan atau pembinaan baru yang akan dilaksanakan kelak?**

Untuk makluman Yang Berhormat, Dasar Rumah Selangorku mula diperkenalkan bermula daripada tahun 2014. Secara keseluruhannya, sehingga 31 Oktober 2025 terdapat **6 projek** dengan **1,270 unit** yang terletak di Kawasan DUN Sentosa telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN). Daripada jumlah tersebut, **4 projek** dengan **722 unit** RSKU telah siap dibina dan telah diduduki manakala **2 projek** dengan **548 unit** RSKU masih dalam perancangan. Perincian projek tersebut adalah seperti berikut :-

DUN SENTOSA

BIL	NAMA PEMAJU	LOKASI PROJEK	BIL UNIT	STATUS
1.	Gemilang Waras Sdn. Bhd. (WCT Holdings Berhad)	Di Atas Hakmilik GRN 155544 Lot 117125 (1H) Di Mukim Klang Daerah Klang. (Bandar Bukit Tinggi 2-Trifolis)	372	Siap Dibina
2.	Harum Intisari Sdn Bhd	Di Atas Lot PT 129711, Bandar Botanic, Daerah Klang.	306	Siap Dibina
3.	Sejati Properties Sdn. Bhd.	Di Atas 129645 (PT.119195), Off Jalan Sungai Jati, Taman Sentosa Perdana, K/S 7, Mukim Klang, Daerah Klang.	14	Siap Dibina

BIL	NAMA PEMAJU	LOKASI PROJEK	BIL UNIT	STATUS
4.	Kota Etika Development Sdn. Bhd.	Di Atas Hakmilik GRN 107006 Hingga GRN 107085 Lot 84809 Hingga Lot 84868, Persiaran Batu Nilam, Bandar Bukit Tinggi Klang, Mukim Klang, Daerah Klang. (Pemulihan Projek Terbengkalai)	30	Siap Dibina
5.	Pembinaan Kesentosaan Sdn. Bhd.	Sebahagian GRN 122878 Lot 98936 Dan Sebahagian GRN 121319 Lot 87138, Taman Sentosa Perdana, Mukim Klang, Daerah Klang.	512	Dalam Perancangan
6.	Jenfort Industries Sdn. Bhd.	Di Atas Hakmilik HSD 57670 Hingga HSD 57799, PT 60870 Hingga PT 60999 (Lot Asal 10509), Mukim Klang, Daerah Klang.	36	Dalam Perancangan
JUMLAH KESELURUHAN			1,270	